

- 1 Apakah yang dikaji dalam ilmu ekonomi?
- A Membuat pilihan ke atas barangan dengan kekurangan faktor bagi mencapai kepuasan optimum.
 - B Masalah membuat pilihan atas penggunaan barangan bagi mencapai kepuasan optimum.
 - C Mengurus sumber yang terhad untuk memenuhi kehendak yang tidak terhad.
 - D Membuat pilihan pengeluaran untuk keuntungan yang maksimum
- 2 Pernyataan manakah yang betul menerangkan berlakunya masalah kekurangan?
- A Kehausan dan kepupusan sumber alam semula jadi.
 - B Kadar pertumbuhan penduduk yang tidak terkawal.
 - C Faktor pengeluaran adalah terhad berbanding dengan kehendak yang pelbagai.
 - D Faktor pengeluaran adalah tidak terhad berbanding dengan kehendak yang tidak terhad.
- 3 Rajah 1 menunjukkan faktor pengeluaran.



Rajah 1

Antara berikut, yang manakah ciri-ciri buruh dalam gambar tersebut?

- I Berpendidikan tinggi
 - II Sanggup menanggung risiko
 - III Mobiliti buruh adalah tinggi
 - IV Tidak memiliki kemahiran professional
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


- 4 Pernyataan di bawah menerangkan tentang masalah kos lepas.

Output kedua terbaik yang terpaksa dilepaskan akibat memilih output yang paling menguntungkan.

Unit ekonomi yang manakah mengalami masalah kos lepas tersebut?

- A Puan Mariam
 - B Perusahaan Kerepek Zariff
 - C Kementerian Pertanian Malaysia
 - D Perbadanan Pembangunan Infrastruktur Negara
- 5 Rajah 2 di bawah menunjukkan satu keluk kemungkinan pengeluaran.

Barang A



Rajah 2

Pilih pernyataan yang menggambarkan titik Y.

- A Faktor pengeluaran digunakan sepenuhnya
- B Tingkat pengeluaran pada tahap guna tenaga penuh
- C Wujudnya ketidakupayaan tingkat teknologi
- D Pengeluar gagal memaksimumkan pengeluaran

6 Maklumat berikut berkaitan dengan satu sistem ekonomi.

Persaingan adalah secara bebas antara pengeluar untuk mencari keuntungan tanpa kawalan daripada kerajaan.

- A Harga barangan ditetapkan oleh badan perancangan pusat.
- B Keputusan ekonomi adalah selaras dengan hukum syarak
- C Pilihan individu terhadap barang dan perkhidmatan adalah terhad.
- D Individu bebas memiliki kekayaan dan mengagihkan faktor pengeluaran.



7 Pernyataan manakah yang benar tentang hukum permintaan?



- A Apabila harga naik, kuantiti diminta akan bertambah
- B Apabila harga turun, kuantiti diminta akan berkurang
- C Apabila harga naik, kuantiti diminta akan berkurang
- D Apabila harga tetap, kuantiti diminta akan berkurang

8 Situasi berikut berkaitan dengan satu penentu permintaan bagi telefon pintar.

Harga telefon pintar telah menurun.

Rajah manakah yang menunjukkan kesan perubahan terhadap situasi di atas?






9 Jadual di bawah menunjukkan permintaan Siti, Julie dan Aminah terhadap suatu barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)		
	Siti	Julie	Aminah
10	10	15	20
20	7	9	16
30	5	4	12

Pada tingkat harga RM20, berapakah permintaan pasaran?

- A 45
- B 32
- C 21
- D 28

- 10 Rajah di bawah menunjukkan perubahan permintaan bagi alat tulis.




Rajah 3

Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan perubahan permintaan tersebut?

- A Jangkaan harga alat tulis akan turun pada masa depan.
 B Bantuan kewangan diberi kepada murid sekolah.
 C Cukai pendapatan individu dikurangkan.
 D Bermula musim peperiksaan sekolah
- 11 Yang manakah akan menyebabkan permintaan terhadap kereta tempatan meningkat?
- A Pendapatan isi rumah berkurang
 B Pengurangan tambang pengangkutan awam
 C Kenaikan cukai jalan dan insurans kereta.
 D Harga kereta import naik.
- 12 Jika penurunan harga suatu barang daripada RM5.00 kepada RM4.00 menyebabkan penawaran berkurang sebanyak 30%, berapakah nilai keanjalan harga penawaran?
- A 0.7
 B 0.8
 C 1.2
 D 1.5

- 13 Rajah menunjukkan keluk permintaan barang Y.



Rajah 3

Manakah **benar**?

- A Peratus perubahan harga lebih kecil daripada peratus perubahan kuantiti diminta
 - B Nilai keanjalan barang Y ialah 0.8
 - C Barang Y sukar digantikan dengan barang lain kerana mempunyai kegunaan yang terhad
 - D Pengguna kurang responsif terhadap perubahan harga
- 14 Maklumat di bawah ini berkaitan dengan satu fungsi bank pusat.

Merupakan pemberi pinjaman terakhir apabila institusi kewangan dibawah seliaanya menghadapi kekurangan tunai.

Fungsi tersebut ialah

- A Jurubank kepada kerajaan
 - B Jurubank kepada bank perdagangan
 - C Mengawal kestabilan mata wang
 - D Mengawal kestabilan ekonomi negara
- 15 Syarikat Rahim mempunyai bilangan pekerja yang ramai. Hal ini menjadi kesukaran untuk Encik Rahim membayar gaji pekerja tepat pada masanya. Apakah kemudahan yang boleh membantu Encik Rahim menyelesaikan masalah tersebut?
- A Draf bank
 - B Perintah sedia ada
 - C Debit langsung
 - D Pindahan kredit

- 16 Maklumat di bawah berkaitan faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan.

Pandemik **Covid-19** telah menjadi punca ramai pekerja swasta kehilangan pekerjaan. Keadaan ini telah menyebabkan, remaja yang sedang mencari pekerjaan beralih ke sektor awam yang menawarkan pekerjaan tetap sehingga bersara.

Apakah faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan remaja di atas?

- A Jaminan Kerja
 - B Suasana tempat kerja
 - C Faedah Sampingan
 - D Lokasi Tempat kerja
- 17 Maklumat di bawah berkaitan dengan upah wang dan harga tiga barang di pasaran.

Upah Wang (RM)	Harga Barang P (RM)	Harga Barang Q (RM)	Harga Barang R (RM)
500	6.00	10.00	15.00

Apakah yang akan terjadi jika harga purata barang berubah kepada RM20.00?

- A Kuasa beli pengguna berkurang
 - B Kuasa beli pengguna bertambah
 - C Pendapatan boleh guna berkurang
 - D Pendapatan boleh guna meningkat
- 18 Manakah antara berikut, kegunaan pendapatan boleh guna
- I Membayar zakat
 - II Membayar cukai pendapatan individu
 - III Membeli mesin basuh
 - IV Membayar bil elektrik, air dan telefon
- A I dan II
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D III dan IV

- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan caj kewangan dalam pembelian kredit.

Puan Damia membeli sebuah kereta bernilai RM60 000 secara kredit. Beliau telah membayar bayaran pendahuluan sebanyak RM10 000 dan bakinya dibayar secara ansuran. Selama 5 tahun, kadar faedah yang dikenakan oleh bank perdagangan ialah 5%.

Berapakah jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Puan Damia?

- A RM 416.67
 B RM 1 041.67
 C RM 1 416.67
 D RM 1 666.67
- 20 Jadual 3 menunjukkan pengeluaran suatu barang.

Jumlah Keluaran (unit)	Kos Purata (RM)
5	20
10	15

Jadual 3

Jika kos tetap ialah RM70, berapakah kos berubah pada tingkat keluaran 10 unit?

- A RM 50
 B RM 80
 C RM 150
 D RM 220
- 21 Maklumat yang berikut menunjukkan kos bagi Firma Teguh Jaya.

Kos tetap = RM1 350.00

Kos berubah = RM 850.00

Kos purata = RM 2.20

Berapakah jumlah output Firma Teguh Jaya?

- A 2200 unit
 B 1000 unit
 C 613 unit
 D 386 unit

- 22 Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran sebuah firma.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Firma Lensa yang mengeluarkan kamera meningkat dari RM8 000 ke RM8 400 apabila output bertambah dari 40 ke 43 buah kamera.

Berapakah kos marginal?

- A RM 133.33
 - B RM 186.04
 - C RM 195.34
 - D RM 200.00
- 23 Apakah kesan inflasi terhadap eksport negara
- A Pendapatan negara meningkat
 - B Barang eksport menjadi lebih murah
 - C Kuantiti barang eksport akan berkurang
 - D Barang eksport bersaing hebat di pasaran
- 24 Manakah tindakan bank pusat di bawah yang dapat meningkatkan penawaran wang dalam pasaran?
- A Meningkatkan kadar rizab tunai
 - B Memanjangkan tempoh bayaran balik
 - C Menaikkan kadar faedah
 - D Menjual surat jaminan kerajaan
- 25 Alat dasar kewangan menguncup dilaksanakan dengan cara
- A menurunkan nisbah rizab berkanun
 - B menjual surat jaminan kerajaan
 - C melonggarkan syarat sewa beli
 - D menurunkan kadar faedah
- 26 Peningkatan indeks harga pengguna membawa kepada kenaikan
- A Kuasa beli
 - B Taraf hidup
 - C Nilai wang
 - D Kadar inflasi

27 Pengangguran kitaran berlaku disebabkan

- A Keadaan ekonomi lembap
- B Berlaku perubahan struktur ekonomi
- C Sedang mencari pekerjaan yang dikehendakinya
- D Firma menambahkan penggunaan automasi dan jentera

28 Maklumat dibawah menunjukkan satu contoh komponen perbelanjaan pembangunan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan membina rumah kediaman mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana seluruh negara.

Apakah komponen perbelanjaan tersebut?

- A Sektor keselamatan
- B Sektor pentadbiran am
- C Sektor perkhidmatan sosial
- D Sektor perkhidmatan ekonomi

29 Bank Negara Malaysia menurunkan kadar rizab tunai bank perdagangan.

Apakah kesan tindakan tersebut terhadap ekonomi negara?


- I Inflasi dapat dikawal
- II Jumlah permintaan barang akan jatuh
- III Penawaran wang dalam pasaran bertambah
- IV Keupayaan bank memberi pinjaman meningkat

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

30 Antara berikut, yang manakah cukai langsung?

- A Duti eksais
- B Duti import
- C Cukai pintu
- D Cukai jualan

- 31 Rajah berkaitan dengan dua bentuk sekatan perdagangan antarabangsa.



Rajah 4

- Matlamat X ialah..
- A Mengurangkan kos pengeluaran bagi firma tempatan
 - B Melindungi industri muda dan tempatan
 - C Mendatangkan hasil kepada kerajaan
 - D Mengagihkan pendapatan secara adil
- 32 Bagaimanakah pemberian subsidi dapat memperbaiki imbalan pembayaran negara?
- I Menggalakkan eksport
 - II Mengurangkan rizab mata wang asing
 - III Meningkatkan penawaran Ringgit Malaysia
 - IV Harga barang tempatan secara relatif lebih murah
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 33 Antara berikut, yang manakah eksport barang nampak Malaysia?
- A Barang perantaraan
 - B Barang pelaburan
 - C Barang perkilangan
 - D Barang penggunaan

- 34 Jadual menunjukkan perubahan kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) berbanding Dolar Amerika (USD)

Tahun	Kadar pertukaran asing
2020	USD = RM 4.49
2021	USD = RM 4.11

Apakah kesan ke atas Malaysia pada tahun 2021 berbanding tahun 2020.

- A Jumlah import dari Amerika akan meningkat
 - B Imbangan dagangan Malaysia cenderung positif
 - C Harga eksport Malaysia ke Amerika lebih murah
 - D Permintaan terhadap Ringgit Malaysia akan meningkat
- 35 Situasi manakah yang menunjukkan berlakunya permintaan ke atas Ringgit Malaysia?
- I Petronas membuat pelaburan cari gali Petroleum mentah di Turkmesnistan.
 - II Syarikat Mega Sdn Bhd membeli mesin jahit dari Jepun.
 - III Syarikat Limited dari China mengimport minyak sawit dari Malaysia.
 - IV Pelancong Timur Tengah melawat Malaysia dengan menggunakan Malaysia Airlines Berhad (MAB)
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Soalan 36 hingga soalan 40 berdasarkan pilihan jawapan dalam jadual di bawah ini.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

- 36 I Penawaran adalah tak anjal apabila penambahan penawaran memerlukan tambahan kos yang sedikit
II Penawaran adalah anjal jika firma mempunyai stok barang yang banyak.
- 37 I Bank perdagangan wajib menyimpan sejumlah wang pada kadar yang ditetapkan oleh bank pusat sebagai rizab tunai.
II Semakin tinggi kadar rizab tunai yang ditetapkan, semakin kurang kemampuan bank memberi pinjaman.
- 38 I Encik Samsul dibayar faedah yang tinggi kerana dia adalah pemegang akaun simpanan tetap di bank perdagangan.
II Pemegang akaun simpanan semasa mendapat kemudahan overdraf.
- 39 I Belanjawan lebihan berlaku apabila jumlah perbelanjaan melebihi jumlah hasil kerajaan.
II Belanjawan lebihan digunakan bagi mengawal inflasi.
- 40 I Imbangan dagangan merekod perbezaan nilai eksport barang nampak dan nilai import barang nampak dalam tempoh satu tahun.
II Imbangan dagangan positif berlaku apabila nilai import barang nampak melebihi nilai eksport barang tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT